

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK**  
**KAWASAN : KUALA PILAH**  
**TARIKH : 3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 32 (PR-1352-L01631)**

**SOALAN**

Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah peratus pertumbuhan perdagangan Malaysia bagi tahun 2017 dan berapakah pula perbandingan antara tahun 2016 dan 2017.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan nilai sebanyak RM722.89 bilion, di mana ia merupakan peningkatan sebanyak 25.4% berbanding nilai RM576.62 bilion pada tahun 2016.

Jumlah eksport meningkat sebanyak 23.3% daripada RM306.45 bilion kepada RM377.96 bilion, manakala import berkembang sebanyak

27.7% daripada RM270.17 bilion kepada RM344.93 bilion berbanding Januari hingga Mei 2016.

Bagi tempoh Januari hingga Mei 2017, lebih dagangan sebanyak RM33.03 bilion direkodkan berbanding RM36.28 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 2016.

*Jadual 1: Jumlah Dagangan Malaysia pada tahun 2015, 2016 & Januari-Mei 2017*

Tahun	Eksport (RM bilion)	Import (RM bilion)	Jumlah Dagangan (RM bilion)	Pertumbuhan Jumlah Dagangan	Lebih Dagangan (RM bilion)
2015	777.36	685.78	1,463.13	1%	91.58
2016	785.93	698.66	1,484.60	1.5%	RM87.27
Jan-Mei 2016	306.45	270.17	576.62	0.8%	RM36.28
Jan-Mei 2017	377.96	344.93	722.89	25.5%	RM33.03

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia